**IBU PEJABAT**
**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**
***Fire And RescueDepartment of Malaysia***
LebuhWawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA

*Telefon:* : 603-88880036
*Facsimile* : 603-88927977/88927978
*Laman Web* : www.bomba.gov.my
*E-mail* : bkkjbpm@bomba.gov.my

*Ruj Tuan* :
*Ruj. Kami* : JBPM.IP.BKK.700-7/5/1 Jld 16 (17)
*Tarikh* : 27 Disember 2021

**-SEPERTI SENARAI EDARAN-**

YS Dato'/Tuan,

**TATACARA PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API SEPARA MANUAL MULAI 3 JANUARI 2022**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa, bagi tujuan penambahbaikan Sistem Pemeriksaan Alat Pemadam Api (APA) Separa Manual yang sedia ada, JBPM telah membuat beberapa penambahbaikan untuk memudahkan proses pemeriksaan dan pengesahan APA. Ianya meliputi perkara-perkara seperti berikut:

i. Borang APA 1 ditambahbaik dan ianya boleh diisi serta dikemukakan secara atas talian.
ii. Mewujudkan APA *Batch* untuk tempahan pemeriksaan.
iii. Membuat tempahan tarikh dan pusat e-FEIS secara atas talian.
iv. Penambahan maklumat lokasi APA pada pelekat kod QR.
v. Mewujudkan *credential* bagi pegawai pemeriksa dan kontraktor APA dengan menggunakan UserID yang lama.

3. Sehubungan dengan itu, untuk tujuan melaksanakan proses seperti di atas tatacara seperti di lampiran hendaklah dipatuhi oleh Kontraktor APA, Kaunter Kewangan dan Pegawai Pemeriksa APA di Pusat e-FEIS. Tatacara pemeriksaan ini akan mula dilaksanakan bermula 3 Januari 2022. Justeru itu, mohon kerjasama pihak YS Dato'/Tuan untuk membuat hebahan berkenaan perkara ini kepada pihak yang terlibat.

4. Kerjasama dan perhatian pihak YS Dato'/Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

../2

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(Ts. AHMAD IZRAM BIN OSMAN)**
Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran

s.k:

i. YAS Ketua Pengarah
ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
iii. YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
iv. Pengarah Bahagian Pengurusan

**SENARAI EDARAN**

1. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Kuala Lumpur

2. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor

3. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor

4. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang

5. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah

6. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak

7. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

8. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah

9. YS Pengarah
   Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak

10. YS Pengarah
    Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan

11. YS Pengarah
    Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka

12. YS Pengarah
    Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu

13. YS Pengarah
    Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan

14. YS Pengarah
    Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang

15. YS Pengarah
    Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Putrajaya

16. YS Pengarah
    Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P Labuan

# TATACARA PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API SEPARA MANUAL MULAI 3 JANUARI 2022

Bagi tujuan penambahbaikan Sistem Pemeriksaan Alat Pemadam Api (APA) Separa Manual yang sedia ada, JBPM telah membuat beberapa penambahbaikan untuk memudahkan proses pemeriksaan dan pengesahan APA. Ianya meliputi perkara-perkara seperti berikut:

a. Borang APA 1 ditambahbaik dan ianya boleh diisi serta dikemukakan secara atas talian.
b. Mewujudkan APA Batch untuk tempahan pemeriksaan.
c. Membuat tempahan tarikh dan pusat e-FEIS secara atas talian.
d. Penambahan maklumat lokasi APA pada pelekat kod QR.
e. Mewujudkan *credential* bagi pegawai pemeriksa dan kontraktor APA dengan menggunakan UserID yang lama.

Untuk tujuan melaksanakan proses seperti di atas tatacara berikut hendaklah dipatuhi oleh Kontraktor APA, Kaunter Kewangan dan Pegawai Pemeriksa APA di Pusat e-FEIS.

Tatacara pemeriksaan ini akan mula dilaksanakan bermula 3 Januari 2022.

## A. Kontraktor Alat Pemadam Api

i. Mengisi Borang APA 1 secara atas talian di pautan http://efeis1.bomba.gov.my/.
   a. Setiap Borang APA 1 boleh diisi maksimum sehingga 30 unit APA. Borang APA 1 mewakili APA *batch* untuk tempahan pemeriksaan.
   b. Setiap Borang APA 1 akan dibekalkan dengan APA *Batch Number*. APA *Batch number* ini adalah *auto-generate* oleh sistem.

ii. Mencetak Borang APA 1 sebanyak 3 salinan.

iii. Mengemukakan Borang APA 1 bersama bayaran pemeriksaan di mana-mana kaunter kewangan Ibu Pejabat JBPM Negeri atau Zon.

iv. Setelah bayaran dibuat, pihak kontraktor dikehendaki untuk mengimbas kod QR pada Borang APA 1 untuk membuat tempahan pemeriksaan secara atas talian.

v. Bagi bayaran yang telah dibuat dan masih belum diperiksa sehingga tarikh tatacara ini berkuatkuasa, pihak kontraktor dikehendaki untuk melengkapkan semula Borang APA 1 secara atas talian dan membuat tempahan pemeriksaan dengan mengikuti Langkah 1- 4.

vi. Pihak kontraktor yang hendak membuat pemeriksaan APA di Pusat e-FEIS hendaklah membawa bersama:

   a. Kad pengenal kontraktor
   b. Salinan resit bayaran
   c. Salinan Borang APA 1
   d. Alat Pemadam Api mengikut no siri yang telah didaftar dalam Borang APA 1
   e. Bagi APA milik kerajaan, sila sertakan bersama Surat Pengesahan APA Milik Kerajaan

vii. Sila rujuk Manual Tempahan Pemeriksaan APA (Kontraktor) seperti di Lampiran A.

## B. Kaunter Kewangan (Penerimaan Bayaran Pemeriksaan APA)

i. Pegawai yang menerima Borang APA 1 bersama bayaran hendaklah menyemak jumlah APA yang tercatat di dalam borang tersebut.

ii. Bayaran pemeriksaan sebanyak RM5.00 / unit hendaklah dibuat bagi APA yang dimiliki oleh swasta. APA milik kerajaan dikecualikan bayaran pemeriksaan.

iii. **Resit KEW 38E** hendaklah dikeluarkan pada pihak kontraktor yang membuat bayaran. Rujuk contoh seperti di Lampiran B.

iv. Borang APA 1 hendaklah juga di cop dengan cop rasmi JBPM sebagai pengesahan jumlah dan bayaran.

## C. Pegawai Pemeriksa APA di Pusat e-FEIS

i. Pemeriksa APA hendaklah berdasarkan Borang APA 1 yang diterima daripada pihak kontraktor, memastikan bayaran pemeriksaan telah dibuat dengan menyemak Borang APA 1 dan resit bayaran.

ii. Satu Salinan Borang APA 1 dan resit bayaran hendaklah disimpan di Pusat e-FEIS sebagai rekod.

iii. Pegawai pemeriksa APA hendaklah membuat pemeriksaan ke atas APA yang dibawa.

iv. Bagi APA yang lulus pemeriksaan, pegawai pemeriksa APA hendaklah mencetak pelekat kod QR APA.

v. Sila rujuk Manual Bagi Pemeriksaan Dan Cetakan Pelekat Kod QR adalah seperti Lampiran C.

**LAMPIRAN A**

## MANUAL TEMPAHAN PEMERIKSAAN APA (KONTRAKTOR)

1. Buka pautan http://efeis1.bomba.gov.my.




2. Masukkan UserID dan Katalaluan kemudian tekan butang LOG IN. Bagi pertama kali log masuk, sila log masuk menggunakan:

   UserID: <UserID Kontraktor APA>

   Katalaluan: <@Pass1> Sila gunakan katalaluan sementara untuk pertama kali log masuk.

   Sistem akan mohon untuk tukar katalaluan kepada yang baru. Katalaluan hendaklah sekurang-kurangnya 8 karakter. Kemudian tekan butang HANTAR.

3. Klik pada menu APA Batch.




4. Pihak kontraktor perlu memasukkan maklumat seperti berikut:
   a. Kontraktor
      i. Nama Kontraktor (*auto-capture by system*)
      ii. ID Kontraktor (*auto-capture by system*)

   b. APA Batch
      i. No Siri APA
      ii. APA Type
      iii. APA Weight
      iv. Pemunya APA
      v. Lokasi
      vi. APA Status



5. Setiap APA hendaklah mempunyai lokasi. Pada kolum lokasi, tekan butang Tambah. Paparan *popup* untuk borang maklumat lokasi akan dipaparkan. Pihak kontraktor perlu mengisi maklumat lokasi pada borang berkenaan. Lokasi yang didaftarkan perlulah lengkap. Bagi bangunan bertingkat dan mempunyai banyak unit, lokasi perlu dinyatakan seperti berikut:

   a. Bilik/Tempat;
   b. Lot/No. Unit;
   c. Tingkat;
   d. Blok;
   e. Nama Bangunan;
   f. Nombor Bangunan;
   g. Nama Jalan/Lorong;
   h. Nama Taman (Locality);
   i. Poskod;
   j. Bandar; dan
   k. Negeri

   Contoh lokasi APA:

   Bilik Mesyuarat,
   Unit 312-A, Tingkat 3, Blok A,
   Wisma Tuanku Jaafar,
   No. 18, Jalan Selorong,
   Pusat Perniagaan Jintan,
   70300 Seremban,
   Negeri Sembilan.

   Sekiranya lokasi tidak lengkap maka ianya adalah dikategorikan gagal (*Fail*) dan pihak kontraktor perlu membetulkan alamat, membuat bayaran, tempahan dan pemeriksaan semula.




6. Kemudian, tekan butang *Save changes*. Maklumat lokasi akan dipaparkan pada *row* APA berkenaan.




7. Tekan butang TAMBAH untuk menambah *row* APA di dalam borang berkenaan dan ulangi langkah 3 – 5. Jumlah maksimum APA adalah sebanyak 30 no siri sahaja. Bagi memadam *last row* di dalam borang berkenaan sila tekan butang PADAM.



8. Setelah selesai memasukkan data APA, tekan butang hantar untuk janaan *Batch Number* dan Borang APA 1.




9. Tekan Butang CETAK BORANG APA 1.



10. Paparan Borang APA 1. Tekan *icon* Pencetak, pilih pencetak dan tekan butang *Print*. Borang APA 1 hendaklah dicetak sebanyak 3 salinan.

LAMPIRAN A

**BORANG APA 1**
**BORANG TEMPAHAN DAN PEMBAYARAN PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API (APA)**

**NOMBOR BATCH** : AP67537462
**NAMA KONTRAKTOR** : Test Contractor Sdn Bhd
**ID KONTRAKTOR** : APA-CON-TEST
**PUSAT PEMERIKSAAN** : ..........................................
**TARIKH TEMPAHAN** : ..........................

| Bil | No. Siri | Jenis APA | Berat APA(KG) | Pemunya APA | Lokasi APA | Jenis APA |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SR072021Y1234561 | Dry Powder | 9 | Swasta | NO. 8 JALAN KERINCHI, 59200 WP KUALA LUMPUR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR | BARU |

**BAYARAN INI DIBUAT BAGI PEMERIKSAAN ALAT PEMADAM API**

**JUMLAH APA** : 1 UNIT
**JUMLAH BAYARAN** : RM 5

**KEGUNAAN PEJABAT**

**NOMBOR BATCH** : AP67537462
**NO RESIT** : ..........................
**JUMLAH BAYARAN** : ..........................
**BERTARIKH** : ..........................

COP JABATAN

11. Bawa Borang APA 1 ke kaunter kewangan untuk membuat bayaran.

12. Setelah bayaran dibuat, tempahan pemeriksaan boleh dibuat melalui:
    a. Imbas kod QR menggunakan *mobile phone* atau QR *Scanner* pada Borang APA 1 dan log masuk menggunakan *credentials* Kontraktor APA. Paparan

**NOMBOR BATCH** : AP40606912
**NAMA KONTRAKTOR** : Z FIRE ENGINEERING
**ID KONTRAKTOR** : APA-CON-6214

b. Log masuk ke dalam akaun Kontraktor APA dan tekan menu APA Booking. Kemudian, buat carian dengan menggunakan *Batch Number*.




13. Paparan borang tempahan pemeriksaan APA. Sila pilih *Inspection Center*. Kemudian tekan butang BOOKING.


Batch Number

AP40606912

CARI

Batch Number : AP40606912

Inspection Center

BOOKING

| No. | Serial No. | APA Type | APA Weight (KG) | Pemunya APA | Lokasi | APA Status |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | SR072021Y1234561 | Dry Powder | 9 | Swasta | BILIK MESYUARAT, UNIT 312-A, TINGKAT 3, BLOK A, WISMA TUANKU JAAFAR, NO. 18, JALAN SELORONG, PUSAT PERNIAGAAN JINTAN, 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN | PEMBAHARUAN |
| 2 | SR072021Y1234562 | CO2 | 2 | Kerajaan | BILIK STOR 1, SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SIERA 5, JALAN TENGAH 3, 63000 SEPANG, SELANGOR | PEMBAHARUAN |

14. Paparan kalendar tempahan. Sila masukkan *receipt number* dan *receipt date*. Kemudian klik pada tarikh dan tekan butang BOOKING. Adalah diingatkan supaya tidak membuat tempahan pada hari cuti (cuti mingguan/ cuti kelepasan am Negeri/ cuti kelepasan am Persekutuan).



15. Setelah itu, *popup* mesej "Booking telah berjaya" akan dipaparkan. Pihak kontraktor dikehendaki untuk mencatatkan maklumat tarikh tempahan dan pusat pemeriksaan pada Borang APA 1 yang telah dicetak.




16. Pihak kontraktor dikehendaki untuk membawa salinan Borang APA 1 dan resit bayaran ke Pusat Pemeriksaan untuk membuat pemeriksaan APA.

## CONTOH RESIT KEW 38E



KERAJAAN MALAYSIA
RESIT RASMI
SALINAN

(Kew. 38E - Pin. 1/2016)
No. Resit : 202145060100R300316
Tarikh : 24.02.2021
Muka Surat : 1/1

Diterima daripada : [redacted]

No. Pelanggan :

Alamat :

| Bil. | Perihal Terimaan | Cara Bayaran | Rujukan | Kod Akaun | Amaun (RM) |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | PEMERIKSAAN DAN UJIAN | Tunai | - | H0272415 | 135.00 |
| | | | | Jumlah Sebelum Cukai | 135.00 |
| | | | | SST (0.00 %) | |
| | | | | Jumlah Selepas Cukai | 135.00 |

Ringgit Malaysia : SATU RATUS TIGA PULUH LIMA SAHAJA

Catatan : JBPM/SL/BKK:700-2/1/4/54280

Kumpulan PTJ & PTJ Penyedia : 45060100 KUMPULAN PTJ JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
IBU PEJABAT BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SELANGOR

(AIREENA BINTI AHMAD SALLEH)

(24.02.2021) (10:51:19 AM)

SALINAN

*Ini adalah cetakan komputer dan tidak perlu ditandatangani*

No. Kelulusan Perb.: KK/BSKK/10/600-2/1/2(49)

JAN84E

**LAMPIRAN C**

**MANUAL BAGI PEMERIKSAAN DAN CETAKAN PELEKAT KOD QR (PEGAWAI PEMERIKSA)**

1. Buka pautan http://efeis1.bomba.gov.my




2. Masukkan UserID dan Katalaluan kemudian tekan butang LOG IN. Bagi pertama kali log masuk, sila log masuk menggunakan:

   UserID: <UserID Pegawai Pemeriksa>

   Katalaluan: <@Pass1> Sila gunakan katalaluan sementara untuk pertama kali log masuk.

   Sistem akan mohon untuk tukar katalaluan kepada yang baru. Katalaluan hendaklah sekurang-kurangnya 8 karakter. Kemudian tekan butang HANTAR.



3. Tekan menu APA Inspection. Masukkan *Batch Number* berpandukan Borang APA 1 yang dibawa oleh kontraktor dan tekan butang CARI.




4. Tekan butang PEMERIKSAAN untuk membuat pemeriksaan APA.



5. Paparan borang pemeriksaan APA. Klik pada *radiobutton* sama ada P=*Pass* atau F=*Fail* bagi setiap perkara yang diperiksa. Kemudian tekan butang HANTAR.




6. Klik pada butang CETAK SEMUA untuk mencetak pelekat kod QR secara pukal atau CETAK untuk cetakan mengikut no siri APA.



7. Pilih pencetak dan tekan butang Print.




8. Paparan pelekat kod QR mengandungi maklumat no siri APA, tarikh luput dan lokasi APA berkenaan.

